THESIS

FOTOSTAT TIDAK DIBENARKAN

Bahagian Perkhidmatan Pembaca & Rujukan
Perpustakaan Tun Abdul Razak
Institiut Teknologi MARA
Shah Alam
Selangor.

# Ragam Hias dan Teknik Seni Tembikar/Siramik Di Semenanjong Malaysia

Pengarang
Abdul Halim Hj-Yahaya
Soni Tembikar dan Siramik
Kajian Senilukis dan Senireka
Institiut Teknologi Mara

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan diatas nama-nama berikut yang telah memberi kerjasama dalam menjayakan kajian thesis ini.

I). Incik Hanif
Lembaga Kraftangan Malaysia,Kuala Kangsar.

2). Incik Aw Yeow Buk
Pengurus,Aw Pottery,Kampong Macap,Air Hitam,Johor.

3). Incik Gun
Pengurus,Gemeral Ceramics,Petaling Jaya.

4). Incik Ahmad Ibrahim
Pengurus,Oriental Ceramics, Batu Pahat,Johor.

5). Cik Ham Rabeah
Ketua Kursus,Seni Tembikar dan Siramik,
Kajian Senilukis dan senireka,Institiut Teknologi Mara.

6). Incik Yeoh Jin Leng
Pensyarah Kanan,Maktab Peguruan Ilmu Khas.

7). Puan Siti Zainun Ismail
Dalam kertas kerja di Seminar Akar-akar Kesenian Peribumi dan Perkembangan Kini.

8). Kaki Tangan Muzeum Negara.

9). Kaki Tangan Muzeum Taiping.

Bahagian Perkhidmatan Pembaca & Rujukan
Perpustakaan Tun Abdul Razak
Institiut Teknologi MARA
Shah Alam
Selangor

# isi kandongan

I) PRAKATA .................................. 0.0

2) PENGENALAN .............................. 0.I-03

3) SEJARAH RAGAM HIAS ...................... I-6

4) TINJAUAN RAGAM HIAS DAN TEKNIK
DITEMPAT BERIKUT:

a) LEMBAGA KRAFTANGAN MALAYSIA
(Kuala Kangsar) ............................ 7-I2

b) AW POTTERY ................................ I3-I9

c) GENERAL CERAMICS ......................... 20-29

d) ORIENTAL CERAMICS ........................ 30-38

e) KURSUS SENI TEMBIKAR DAN SIRAMIK ......... 39-64

5) PERBEZAAN DIANTARA RAGAM HIAS
TEMBIKAR MALAYSIA BARAT DAN NEGARA BARAT.. 65-75

6) PANDANGAN MASYARAKAT TERHADAP RAGAM HIAS.. 76-85

7) PENUTUP .................................. 86-90

# Prakata

Matalamat saya memilih tajuk ini ia lah untuk meninjau sejauh mana kemajuan yang telah di capai oleh seni tembikar dan seramik khas nya diSemananjong Malaysia dalam kontek ragam hias bermula dari asal seni tembikar hingga lah sekarang. Melalui usaha ini saya telah mengkaji tentang sejarah dan saya juga telah memilih empat buah perusahaan yang berunsurkan studio tembikar dan perusahaan seramik yang mana mempunyai teknik-teknik ragam hias tersendiri.Disamping itu juga saya meninjau teknik yang diajar dikursus Seni tembikar dan Seramik di Institiut Teknologi Mara.

DAlam usaha untuk meninggikan lagi mutu ragam hias tembikar,amatlah berkesan sekali mengetahmi pergolakkan hiasan corak tembikar sekarang dimana dimasa akan datang pada pandangan saya dapat lah kita sama-sama merubah atau memajukan lagi dalam aspek ragam hias supaya mutu nya lebih baik dan menjadi kebanggaan khasnya kepada kita semua dan masyarakat Malaysia amnya.

Seni dekorasi dalam seni tembikar ialah corak hiasan permukaan tembikar yang berteraskan kepada ciri-ciri rekaan tertentu yang mengalir dari daya pengeluaran inspirasi pereka tembikar itu sendiri. Hasil dari rekaan-rekaan tersebut dapat dianalisakan dan dapat satu penelitian yang mendalam tentang corak hiasan tersebut. Ragam hias didalam seni tembikar memainkan peranan penting demi untuk mengindahkan tempat dan keadaan dimana barang-barang tersebut harus dipergunakan. Reka bentuk asas seni tembikar serta reka bentuk hiasan lebih ditekankan kepada aspek estitika corak dan kedua-dua ini tidak dapat dipisahkan dalam penciptaan kraftangan.